

## LUAS KAWASAN

Malaysia yang meliputi suatu kawasan seluas **330,290** kilometer persegi terdiri dari Semenanjung Malaysia serta negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Semenanjung Malaysia meliputi seluas **131,554** kilometer persegi, bersempadan dengan Thailand di utara dan Singapura di selatan. Sementara itu, Sabah seluas **73,902** kilometer persegi dan Sarawak, seluas **124,450** kilometer persegi, bersempadan dengan wilayah Kalimantan, Indonesia. Manakala Wilayah Persekutuan yang terdiri dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah seluas **384** kilometer persegi.

Semenanjung Malaysia terdiri dari 14 buah negeri iaitu : Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah dibahagikan kepada daerah-daerah pentadbiran. Terdapat sejumlah **85** buah daerah/jajahan di Semenanjung Malaysia (tidak termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya), **25** buah daerah di Sabah dan **31** buah daerah di Sarawak.

## IKLIM

**Cuaca** adalah keadaan atmosfera pada suatu masa dan tempat yang tertentu.

**Iklim** adalah himpunan keadaan cuaca harian dan musim bagi suatu tempoh masa yang panjang biasanya melebihi 30 tahun.

**Hari hujan** ialah hari dimana jumlah hujan yang direkod adalah sama atau melebihi 0.1 mm.

## AREA

Malaysia covers an area of about **330,290** square kilometres, consisting of Peninsular Malaysia and the states of Sabah, Sarawak and Federal Territory. Peninsular Malaysia covers an area of **131,554** square kilometres has its frontiers with Thailand in the north and Singapore in the south, while Sabah with an area of **73,902** square kilometres and Sarawak, **124,450** square kilometres, borders the territory of Kalimantan, Indonesia. Meanwhile, Federal Territory which consists of Federal Territory Kuala Lumpur, Federal Territory Putrajaya and Federal Territory Labuan covers an area of **384** square kilometres.

Peninsular Malaysia consists of the following states: Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Negeri Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor, Terengganu, Federal Territory Kuala Lumpur and Federal Territory Putrajaya.

The states in Peninsular Malaysia are sub-divided into administrative districts. There are in total **85** districts in Peninsular Malaysia (excluding Federal Territory Kuala Lumpur and Federal Territory Putrajaya), **25** districts in Sabah and **31** districts in Sarawak.

## CLIMATE

**Weather** is the condition of atmosphere at any particular time and place.

**Climate** is the accumulation of daily and seasonal weather events of a long period of time such as over 30 years.

**Rain day** is a day with rainfall amount equals to or exceeds 0.1 mm.

## PENDUDUK DAN PERANGKAAAN PENTING

### Penduduk

Data tentang saiz, struktur, taburan dan kepadatan penduduk bagi tahun 2000 dan 2010 adalah berdasarkan maklumat Banci Penduduk dan Perumahan yang telah disesuaikan untuk kurang penghitungan.

Anggaran penduduk pertengahan tahun adalah berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan 2010 yang telah disesuaikan untuk kurang penghitungan. Kaedah yang digunakan adalah Kaedah Komponen Kohort yang mengambil kira kelahiran, kematian dan migrasi.

### Perangkaan Penting

Kelahiran, kematian, perkahwinan dan penceraian dianggap sebagai peristiwa penting dari segi demografi dimana rekod pendaftaran peristiwa penting ini diperoleh dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Perangkaan Penting di dalam penerbitan ini hanya meliputi perangkaan kelahiran dan kematian sahaja.

### Bandar

#### Definisi Banci 2000

Kawasan diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-duanya mempunyai jumlah penduduk seramai 10,000 orang atau lebih semasa Banci 2000. Kawasan tepu bina ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan dengan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 10 tahun dan lebih) yang terlibat dalam aktiviti bukan Pertanian dan mempunyai kemudahan tandas moden di dalam unit-unit perumahan mereka.

#### Definisi Banci 2010

Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk seramai 10,000 atau lebih. Kawasan tepubina didefinisikan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

## POPULATION AND VITAL STATISTICS

### Population

*Data on population size, structure, distribution and density for the years 2000 and 2010 are based on Population and Housing Census which had adjusted for under-enumeration.*

*Mid-year population estimates are based on the 2010 Population and Housing Census which had adjusted for under-enumeration. The Cohort-component Method takes into account birth, death and migration in its calculation.*

### Vital Statistics

*Births, deaths, marriages and divorces are considered vital events in demographic terms where these records of vital registration events were obtained from the National Registration Department (NRD). The coverage of vital statistics in this publication presents statistics on birth and death only.*

### Urban

#### 2000 Census Definition

*Gazetted areas with their adjoining built-up areas which had a combined population of 10,000 or more at the time of the 2000 Census. Built-up areas were areas contiguous to a gazetted area and had at least 60 percent of their population (aged 10 years and over) engaged in non-agricultural activities as well as having modern toilet facilities in their housing units.*

#### 2010 Census Definition

*Gazetted areas with their adjoining built-up areas which had a combined population of 10,000 or more. Built-up areas were defined as areas contiguous to a gazetted area and had at least 60 per cent of their population (aged 15 years and over) engaged in non-agricultural activities.*

**Kadar Pertambahan Semula Jadi Kasar**

Lebih bilangan kelahiran hidup setelah ditolak dengan bilangan kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

**Kadar Kelahiran Kasar**

Bilangan kelahiran hidup bagi setiap 1,000 penduduk.

**Kadar Kematian Kasar**

Bilangan kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

**Kadar Mortaliti Bayi**

Bilangan kematian bayi berumur kurang daripada 1 tahun bagi setiap 1,000 kelahiran hidup.

**Sebab Kematian**

Statistik Sebab Kematian disediakan berasaskan rekod kematian yang diperoleh daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

**Sebab Kematian yang disahkan** merujuk kepada pengesahan yang dibuat oleh Pengamal Perubatan berdaftar, Koroner atau Majistret yang menjalankan inkuies atau siasatan mengenai sesuatu kematian. Pengamal Perubatan berdaftar bermaksud Pengamal Perubatan seperti yang dijelaskan di dalam Akta Perubatan 1971. Maklumat ini dikodkan dengan merujuk kepada *International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems, Tenth Revision (ICD10)*, WHO.

**Sebab kematian yang tidak disahkan** merujuk kepada pengesahan yang dibuat oleh pengesah yang tidak mempunyai kelayakan perubatan seperti polis dan juga orang perseorangan yang lain. Maklumat ini dikodkan berdasarkan kepada klasifikasi Kod Sebab Kematian Tidak Disahkan (Versi 2) yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Jangkaan Hayat**

Jangkaan hayat ialah purata baki masih hidup (dalam tahun) bagi orang yang hidup pada permulaan umur tertentu.

**Crude Rate of Natural Increase**

*The excess of live births over deaths per 1,000 population.*

**Crude Birth Rate**

*The number of live births per 1,000 population.*

**Crude Death Rate**

*The number of deaths per 1,000 population.*

**Infant Mortality Rate**

*Number of deaths aged below 1 year per 1,000 live births.*

**Causes of Death**

*Statistics on Causes of Death are prepared based on death records obtained from the National Registration Department (NRD).*

**Certified Causes of Death** refers to certification made by registered Medical Practitioners, Coroners or Magistrates carrying out inquests or investigations on a particular death. Registered Medical Practitioners refer to Medical Practitioners as clarified in the 1971 Medical Act. The data is coded using the *International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems, Tenth Revision (ICD10)*, WHO.

**Uncertified Causes of Death** refers to certification made by informants without medical qualifications such as the police and other individuals. The data is coded based on the classification of *Uncertified Causes of Death Code (Version 2)* prepared by the Department of Statistics, Malaysia.

**Life Expectancy**

*Life expectancy is the average remaining lifetime (in years) for a person who survives at the beginning of the certain age.*

**Bilangan Perkahwinan yang Didaftarkan**

Data bagi bilangan perkahwinan yang didaftarkan dibahagikan kepada dua kategori, perkahwinan orang Islam dan bukan Islam.

Maklumat perkahwinan orang Islam yang berdaftar ialah pernikahan di antara rakyat Malaysia dengan rakyat Malaysia yang didaftarkan di Pejabat Agama Islam di peringkat daerah.

Perangkaan Perkahwinan Bukan Orang Islam mempersembahkan statistik perkahwinan yang diperoleh dari Jabatan Pendaftaran Negara. Statistik disediakan mengikut tahun kejadian.

***Number of Registered Marriages***

*Data on the number of marriages registered are divided into two categories, Muslim and Non-Muslim marriages.*

*Data on Registered Muslim marriages are marriages between Malaysian citizens registered at Pejabat Agama Islam at district levels.*

*The Non-Muslim Marriage Statistics presents marriage statistics obtained from the National Registration Department. Statistics are presented by year of occurrence.*



## GUNATENAGA

### Tenaga buruh

Tenaga buruh merujuk kepada mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun (dalam tahun genap pada hari lahir terakhir) semasa minggu rujukan, sama ada bekerja atau menganggur.

### Kadar penyertaan tenaga buruh

Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15-64 tahun) yang dipersembahkan dalam bentuk peratus. Formulanya adalah seperti berikut:

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh mengikut sesuatu kategori yang tertentu}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja (15-64 tahun) dalam kategori yang sama}} \times 100$$

### Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).

### Menganggur

Kategori ini termasuk mereka yang menganggur secara aktif dan tidak aktif. Penganggur aktif termasuk mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu tersebut. Penganggur tidak aktif adalah seperti berikut :

- (a) mereka yang tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan ataupun tidak berkelayakan;
- (b) Mereka yang mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau cuaca buruk;

## EMPLOYMENT

### Labour force

*Labour force refers to those who, during the reference week, are in the 15 to 64 years (in completed years at last birthday) and who are either employed or unemployed.*

### Labour force participation rate

*Labour force participation rate is defined as the ratio of the labour force to the working age population (15 to 64 years), expressed as percentage. The formula is as follow:*

$$\text{Labour force participation rate} = \frac{\text{The number of persons in the labour force in the specified category}}{\text{The number of persons in the working age (15 to 64 years) in the same category}} \times 100$$

### Employed

*All persons who, at any time during the reference week worked at least one hour for pay, profit or family gain (as an employer, employee, own-account worker or unpaid family worker).*

### Unemployed

*This includes both actively and inactively unemployed persons. The actively unemployed include all persons who did not work during the reference week but were available for work and actively looking for work during the reference week. Inactively unemployed persons include the following categories :*

- (a) *persons who did not look for work because they believed no work was available or that they were not qualified;*
- (b) *persons who would have looked for work if they had not been temporarily ill or had it not been for bad weather;*

- (c) mereka yang menunggu jawapan permohonan pekerjaan; dan
- (d) mereka yang telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan.

- (c) persons who were waiting for result of job applications; and
- (d) persons who had looked for work prior to the reference week.

### Industri

Industri dikelaskan mengikut "Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008", yang berasaskan kepada "International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4". Pengelasan industri seseorang merujuk kepada yang berkaitan dengan pekerjaan utama.

### Industry

Industry is classified according to the "Malaysia Standard Industrial Classification, (MSIC) 2008" based on the "International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4". A person's industry classification refers to that of his principal occupation.

### Pekerjaan

Pekerjaan dikelaskan mengikut klasifikasi "Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO)" yang berasaskan kepada "International Standard Classification of Occupations (ISCO)". Pengelasan pekerjaan bagi taburan guna tenaga tahun 2006 hingga 2010 adalah mengguna pakai MASCO 1998 yang berasaskan kepada ISCO-88 dan bermula tahun 2011, pengelasan pekerjaan dikelaskan mengikut MASCO 2008 yang berasaskan kepada ISCO-08.

### Occupation

Occupation is classified according to "Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO)" based on the "International Standard Classification of Occupations (ISCO)". Classification of occupation for the distribution of employment in 2006 to 2010 are using the MASCO 1998 based on ISCO-88 and starting 2011, occupation is classified according to the MASCO 2008 based on ISCO-08.

Bagi seseorang yang mempunyai lebih daripada satu pekerjaan, hanya pekerjaan yang mengambil masa terbanyak semasa tempoh rujukan dianggap sebagai pekerjaan utamanya. Jika masa bekerja bagi tiap-tiap pekerjaan itu sama, maka pekerjaan yang menghasilkan pendapatan yang tertinggi adalah pekerjaan utamanya. Dalam kes di mana bilangan jam bekerja dan pendapatannya adalah sama bagi setiap pekerjaan, pekerjaan di mana dia telah bekerja paling lama dianggap sebagai pekerjaan utamanya.

For a person having more than one job, only the job at which he worked for the longest number of hours during the reference week is treated as his principal occupation. Should the number of hours worked for each job be the same, then the job with the highest income is the principal occupation. In cases where the number of hours worked and the income earned from each job are the same, the job at which he was working for the longest period of time is considered as the principal occupation.

### Perkhidmatan Pekerjaan Awam

Perkhidmatan ini diberikan oleh Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia. Ianya bertindak sebagai "clearing house" dalam pasaran tenaga buruh iaitu penempatan dalam pekerjaan untuk pencari-pencari kerja yang menganggur atau yang mencari kerja yang lebih baik dan juga sebagai punca kepada majikan-majikan. Data yang diberikan di dalam jadual-jadual merujuk kepada mereka yang berdaftar atau kekosongan yang dilaporkan oleh majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja.

### Public Employment Service

This service is provided by the Employment Services Division, Labour Department, Ministry of Human Resources. It acts as a clearing house in the employment market, that is job placements for job seekers who are unemployed or are looking for better positions, and also as a source for recruitment of workers to employers. The data provided in the tables refer to those registered or vacancies reported by employers to the Labour Department.

## PENDIDIKAN

### Sekolah

Data tentang bilangan sekolah merujuk kepada sekolah rendah dan menengah, meliputi sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Mulai 1996, beberapa sekolah vokasional telah dinaik taraf kepada sekolah teknik.

### Pelajar

Pelajar sekolah terbahagi kepada pelajar sekolah rendah dan menengah. Pelajaran peringkat rendah biasanya bermula pada peringkat umur sekurang-kurangnya tujuh tahun dan mengambil masa selama enam tahun bagi menamatkan pelajaran pada peringkat tersebut. Pada pelajaran peringkat menengah, kumpulan umur adalah di antara 13 tahun hingga 17 tahun. Manakala pelajar tingkatan enam termasuk dalam peringkat pasca menengah.

### Guru

Bilangan guru termasuk guru terlatih & tidak terlatih serta guru tetap & sementara. Guru dibahagikan kepada guru sekolah rendah dan menengah.

### Pengajian Tinggi

Kelayakan minimum yang diperlukan untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi ialah lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelulusan yang setaraf dengannya. Pendidikan pada peringkat ini menyediakan kursus tertentu dalam pelbagai bidang pengajian.

## EDUCATION

### Schools

*Data on the number of schools refer to primary and secondary schools, covering government and government-aided schools. Beginning 1996, several vocational schools have been upgraded to technical schools.*

### Students

*School students are divided into primary and secondary school. Primary education normally starts at the age of about seven years with a period of six years to complete the education at that level. At the secondary level, the age group is between 13 to 17 years. Meanwhile, form six students are included in post secondary level.*

### Teachers

*The number of teachers includes trained & untrained teachers as well as permanent & temporary teachers. Teachers are classified into primary and secondary school teachers.*

### Higher Education

*The minimum qualification required to enter into higher education institutions is a pass in the Malaysian Certificate of Education or the Malaysian Higher School Certificate or its equivalent. Education at this level provides specialised training in various fields of study.*

## PERKHIDMATAN KEBAJIKAN

### Perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak

Perkhidmatan ini adalah untuk menjamin jagaan gantian yang menggalakkan pertumbuhan yang sihat dalam suasana yang tenteram bagi golongan yang bergantung kepada masyarakat untuk memenuhi keperluan hidup. Terdapat empat institusi kebajikan yang menawarkan perkhidmatan ini iaitu :

(i) **Rumah Kanak-Kanak**

Memberi jagaan gantian kepada kanak-kanak dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi serta mental yang sihat dalam suasana kekeluargaan yang harmoni.

(ii) **Asrama Akhlak**

Menyediakan perlindungan, pemulihan dan jagaan kepada kanak-kanak yang direman, dalam pemindahan ke Sekolah Tunas Bakti dan mereka yang dalam perintah Cubaan Akhlak.

(iii) **Sekolah Tunas Bakti**

Bertanggungjawab memulihkan pesalah juvana yang memerlukan penjagaan dan perlindungan. Ia juga bertujuan membentuk peribadi mulia, harga diri dan tanggungjawab supaya mereka menjadi anggota masyarakat yang berguna apabila dibebaskan.

(iv) **Taman Seri Puteri**

Bertanggungjawab memulihkan dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak khususnya perempuan yang terdedah kepada bahaya moral untuk menyesuaikan diri dengan nilai dan norma masyarakat.

### Perkhidmatan Institusi Orang Kurang Upaya (OKU)

Perkhidmatan ini bertujuan untuk menolong anggota masyarakat yang kurang upaya berdikari dan membolehkan mereka menjadi anggota masyarakat yang lebih produktif sepadan dengan potensi mereka. Terdapat empat institusi kebajikan yang menawarkan perkhidmatan ini iaitu :

## WELFARE SERVICES

### Children Institution Services

*This service is to ensure substitute care that encourages natural development and security for the dependent segments of society in fulfilment of societal responsibilities. There are four welfare institutions which provide such services namely :*

(i) **Children Home**

*Provides substitute care for children and promotes the growth and development of physical, emotional and mental health in a harmonious family atmosphere.*

(ii) **Probation Hostel**

*Provides care, shelter and guidance to children under remand, in transit to Tunas Bakti School and those who are under Probationary Order.*

(iii) **Tunas Bakti School**

*Responsible to rehabilitate juvenile offenders in need of care and protection. It also aims to develop good personal character, self-esteem and responsibility in order to become useful members of the society once released.*

(iv) **Taman Seri Puteri**

*Responsible to rehabilitate and provide protection to children especially girls who are exposed to moral danger to adjust to culturally accepted norms of behaviour.*

### Rehabilitation Service For The Disabled

*The objective of this service is to assist the disabled segments of the population to become self-reliant and be more productive members of the community, commensurate with their full potential. There are four welfare institutions which provide such services namely :*

**(i) Taman Sinar Harapan**

Memberi penjagaan dan perlindungan kepada orang kurang upaya yang terencat akal yang memerlukan penjagaan, latihan, pemulihan dan perlindungan. Institusi ini juga memberi latihan untuk mereka berdikari serta latihan kemahiran bersosial agar mereka dapat berinteraksi dan bergaul dengan rakan, masyarakat atau orang lain.

**(ii) Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi**

Memberi kemudahan dan perkhidmatan yang komprehensif kepada orang yang kurang upaya anggota melalui latihan vokasional dan pemulihan perubatan serta membantu mengembalikan kemahiran yang hilang akibat kemalangan. Pusat ini juga memberi latihan yang sesuai untuk membolehkan pelatih berintegrasi dengan masyarakat.

**(iii) Bengkel Daya Kelang**

Berperanan membantu mempertingkatkan kemahiran, tahap keupayaan dan pengetahuan orang kurang upaya serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak berdaya saing untuk mendapat pekerjaan di pasaran terbuka.

**(iv) Pusat Harian Bukit Tunku**

Pusat ini juga berperanan dalam membantu mengembalikan keupayaan dan kebolehan pesakit mental bagi menolong mereka untuk hidup lebih bebas di dalam masyarakat.

**Perkhidmatan Bagi Warga Emas dan Orang Papa****(i) Rumah Seri Kenangan**

Memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang berusia 60 tahun dan lebih, tidak mengidap penyakit berjangkit, tidak mempunyai sanak saudara dan tidak berupaya menjaga diri sendiri.

**(i) Taman Sinar Harapan**

*Provides care and protection for the disabled who are mentally handicapped that requires care, training, guidance and protection. This institution also provides self-reliance and social skills training to enable them to interact and socialise with friends, community or other people.*

**(ii) Bangi Centre for Industrial Training and Rehabilitation**

*Provides comprehensive facilities and services to the disabled through vocational training and medical rehabilitation as well as to assist in the recovery of skills lost due to accidents. This centre also provides suitable training to enable trainee to integrate into the community.*

**(iii) Bengkel Daya Kelang**

*The aim of this services is to help develop skills, capabilities and knowledge of disabled as well as to create jobs opportunities for person with disabilities (OKU) who are unable to compete in the open market.*

**(iv) Pusat Harian Bukit Tunku**

*The aim of this service is to help rebuild capabilities of mental patients as well as their abilities to enable them to live independently in societies.*

**Senior Citizen and Pauper Services****(i) Seri Kenangan Home**

*Provides care, treatment and shelter to the senior citizens aged 60 years old and over, who are not suffering from infectious diseases, have no relatives and not able to take care of themselves.*

**(ii) Rumah Ehsan**

Memberi perkhidmatan jagaan, rawatan dan perlindungan kepada orang sakit dan uzur dalam suasana yang selesa dan tenteram. Ia di khususkan untuk pesakit melarat yang memerlukan rawatan tidak intensif.

**(iii) Desa Bina Diri**

Memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada pengemis dan orang melarat bagi mewujudkan individu yang produktif dan berkemahiran ke arah perubahan sikap yang positif untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

**(ii) Ehsan Home**

*Provides care, treatment and shelter to the old and sick persons in a comfortable and tranquil surrounding. It is specialised for destitute patient in needs of non-intensive treatment.*

**(iii) Desa Bina Diri**

*Provides care, shelter and rehabilitation to vagrant and destitute to create productive and skilled individuals towards positive change to enable them to reintegrate into the community.*

**KESELAMATAN AWAM**

**Kemalangan Jalan Raya**

Data yang ditunjukkan dalam jadual adalah mengenai bilangan kemalangan dan kecederaan (termasuk mati, cedera ringan dan parah). Bilangan kematian yang dinyatakan pada jadual adalah berkenaan kematian serta-merta atau dalam masa 30 hari disebabkan kecederaan dalam kemalangan tersebut.

**Kebakaran**

Data kebakaran diperoleh berdasarkan kes yang dilaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Data yang diberikan meliputi bilangan punca dan jenis kebakaran.

**PUBLIC SAFETY**

**Road Accidents**

*Data given in the tables are on the number of road accidents and casualties (include deaths, minor and serious injuries). The number of deaths stated in the table refers only to cases where death occurred on the spot or within 30 days as a result of an injury accident.*

**Fire Breakouts**

*Data on fire breakouts are based on cases reported to the Fire and Rescue Department, Malaysia. Data given are on the number of sources and types of fire breakout.*



## KESIHATAN

### Hospital Kerajaan

Semua hospital yang dianggotai secara tetap oleh sekurang-kurangnya seorang doktor dan boleh menyediakan wad bagi menempatkan pesakit-pesakit dan memberi rawatan perubatan serta jagaan yang aktif. Ini tidak termasuk pertubuhan yang memberi hanya rawatan jagaan.

### Institusi Perubatan Khas

Institusi ini merupakan hospital yang memberi rawatan perubatan dan jagaan hanya untuk satu disiplin sahaja. Kategori ini tidak termasuk jabatan khas di bawah pentadbiran hospital besar yang kadangkalanya diletakkan di ruang tambahan atau di balai berasingan memandangkan bilangan katilnya sudah pun termasuk dalam kiraan Hospital Besar.

### Katil

Bilangan katil di sini merangkumi katil yang terdapat di hospital dan yang sentiasa diselenggarakan bagi menempat dan memberikan rawatan sepenuh masa kepada pesakit dalam yang berturut-turut dan diletakkan di wad atau kawasan hospital di mana rawatan perubatan yang berterusan boleh diberi kepada pesakit dalaman. Bilangan katil meliputi jumlah katil yang biasanya terdapat di hospital, termasuk katil berkandang atau buaian yang disediakan bagi bayi yang memerlukan rawatan khas (seperti yang terdapat di Nurseri Rawatan Khas). Walau bagaimanapun, bilangan ini tidak termasuk katil di bilik bersalin, katil yang digunakan selepas pembiusan atau pembedahan, di mana ianya tidak diselenggarakan untuk kegunaan pesakit dengan tetap. Katil untuk rawatan pemerhatian atau pemulihan di Jabatan Pesakit Luar dan katil berkandang yang digunakan untuk bayi baru lahir di wad obstetrik juga tidak diambil kira.

### Doktor Gigi

Doktor gigi terbahagi kepada dua kategori; iaitu Bahagian I dan Bahagian II. Bahagian I merujuk kepada Doktor gigi yang berdaftar dan mempunyai kelayakan profesional. Bahagian II merujuk kepada Doktor gigi yang berdaftar dan tidak mempunyai kelayakan profesional.

## HEALTH

### Government Hospitals

*All hospitals permanently staffed by at least one physician and can offer in-patient accommodation and provide active medical and nursing care. Those establishments providing principally custodial care are not included.*

### Special Medical Institutions

*These are hospitals providing medical and nursing care primarily for only one discipline. This category does not include the specialised departments administratively attached to a principal general hospital and sometimes located in an annex or separate pavilion as their beds would have already been counted in the principal General Hospital.*

### Beds

*These beds cover only those that are regularly maintained for the accommodation and full-time care of a succession of in-patients, and which are situated in wards or areas of the hospital where continuous medical care for in-patient can be provided. The total of such beds constitute the normally available bed complement of the hospital which include cots or bassinets set aside for babies requiring special care (e.g. bassinets in a Special Care Nursery). However, these figures exclude beds in labor room, post-anaesthetic or post-operative beds which are not maintained for continual use by patients. Observation or recovery beds in out-patient department and cots for normal newborn infants in obstetric wards are also excluded.*

### Dentist

*Dentist is divided into two categories; i.e. Division I and Division II. Division I refers to registered dentist with professional qualifications. Division II refers to registered dentist without professional qualification.*

## HARGA-HARGA

### Indeks Harga Pengguna

Indeks Harga Pengguna Malaysia yang berasaskan formula Laspeyres, mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi "bakul" tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. Item-item ini dikelaskan kepada 12 kumpulan utama berpandukan kepada United Nations "Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)".

### Harga Purata Getah

Harga purata Getah Mutu Malaysia (G.M.M.) mengikut gred terpilih dikira dengan mencampurkan harga purata harian (sebut harga pada waktu tengah hari – "F.O.B.") dalam bulan rujukan dan membahagikannya dengan bilangan hari berniaga dalam bulan tersebut. Data harga diperoleh daripada Lembaga Getah Malaysia (LGM).

### Harga Purata Timah

Harga purata Timah 'Standard Grade' (New York Spot) dan Timah PTKL adalah dipetik dari harga harian yang didapati dari Dewan Perlombongan Malaysia.

### Ekonomi Domestik

Indeks Harga Ekonomi Domestik ialah indeks komposit berdasarkan data harga yang diperoleh daripada indeks harga pengeluaran tempatan dan import. Indeks ekonomi domestik diwakili oleh 66.4 peratus wajaran daripada pengeluaran tempatan dan 33.6 peratus wajaran daripada import.

## PRICES

### *The Consumer Price Index*

*The Consumer Price Index Malaysia, which is based on the Laspeyres formula, measures the percentage change through time in the cost of purchasing a constant "basket" of goods and services representing the average pattern of purchases made by particular population group in the specified time period. The items are classified according to United Nations "Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)" with twelve main groups.*

### *Average Prices of Rubber*

*The average prices of Standard Malaysian Rubber (S.M.R.) by selected grade are derived by adding the daily trading price (Noon Quotations F.O.B.) during the reference month and dividing the total by the number of trading days in that month. The data are obtained from the Malaysian Rubber Board (MRB).*

### *Average Tin Prices*

*The average prices of Standard Grade Tin (New York Spot) and KLTM Tin are derived from the daily prices which are obtained from the Malaysian Chamber of Mines.*

### *Domestic Economy*

*The Domestic Economy Price Index is a composite Index which is based on the price data derived from the local production and Import price indices. The domestic economy index is represented by 66.4 per cent weights from local production and 33.6 per cent weights from imports.*

### **Pengeluaran Tempatan**

Harga pengeluar bagi pengeluaran tempatan merupakan indeks berasaskan output yang mengukur perubahan harga komoditi untuk jualan pasaran tempatan yang dinilai pada harga di kilang.

Bagi barangan yang dikeluarkan, diproses atau dipasang di Malaysia, harga pengeluar merujuk kepada harga selepas ditolak diskaun dan rebet yang diberikan oleh pengilang dan tidak termasuk kos pengangkutan yang disewa serta kos pengangkutan lain antara pengeluar dan pembeli. Harga pengeluar bagi pengeluaran tempatan untuk tahun asas 2005 merujuk kepada harga di kilang sahaja dan tidak termasuk duti eksais, cukai jualan dan cukai lain. Walau bagaimanapun, bagi tahun asas 1972, 1978, 1989 dan 2000, duti eksais dan cukai jualan dimasukkan sebagai komponen dalam harga pengeluar.

### **Import**

Import dinilai mengikut c.i.f. (*cost, insurance and freight* - kos, insuran dan tambang), iaitu, nilai barangan di pasaran di sempadan perangkaan/kastam negara pengimport, termasuk semua perbelanjaan insuran dan tambang semasa dalam perjalanan tetapi kos pemungghahan dari alat pengangkutan tidak diambil kira kecuali kos tersebut ditanggung sendiri oleh pengangkut.

### **Local Production**

*The producer price index for local production is an output based index, which measures the change in the price of commodities sold to the domestic market valued at the ex-factory price.*

*As for goods produced, processed or assembled in Malaysia, producer prices refer to prices which are net of discounts and rebates given by the manufacturers and net of freight by hired transport and other transport costs between producer and purchaser. The producer price for local production for the base year 2005 refers to the ex-factory price only and excludes excise duty, sales tax and other taxes. However, for base years 1972, 1978, 1989 and 2000, excise duties and sales tax were included as components of the producer price.*

### **Imports**

*Imports are valued on a c.i.f. (cost, insurance and freight) basis, that is, the value of the goods in the market at the statistical/customs frontier of the importing country, including all charges for transport and insurance whilst in transit but excluding the cost of unloading from the carrier unless it is borne by the carrier.*

## PENDAPATAN

### Isi rumah

Isi rumah ditakrifkan sebagai seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara dan/atau orang yang tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

Walau bagaimanapun, bagi Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, syarat tambahan dikenakan di mana mereka, perlu tinggal selama 16 hari atau lebih di tempat kediaman tersebut dalam tempoh rujukan.

### Pendapatan isi rumah

Pendapatan isi rumah ialah jumlah pendapatan terakru kepada ahli isi rumah, dalam bentuk wang tunai dan/atau mata benda yang berlaku berulang kali dalam jangka masa setahun atau lebih kerap lagi.

### Punca utama pendapatan

Maklumat terperinci tentang pendapatan diperoleh daripada ahli isi rumah yang menerima pendapatan. Punca utama pendapatan yang dipungut termasuk:-

- (i) Penerimaan daripada **pekerjaan bergaji** (termasuk upah dan gaji, elaun tunai, bonus, komisen, bayaran kerja lebih masa, makanan percuma/konsesi, tempat menginap percuma/konsesi, barang pengguna dan perkhidmatan percuma/konsesi, bayaran berupa mata benda dan pencaruman majikan kepada KWSP/PERKESO);
- (ii) Pendapatan daripada **bekerja sendiri** (termasuk nilai barang yang dikeluarkan di rumah untuk kegunaan sendiri);
- (iii) Pendapatan daripada **harta** (termasuk royalti, sewaan, faedah dan dividen);
- (iv) **Pindahan semasa yang diterima** (termasuk penerimaan wang daripada isi rumah lain, bayaran nafkah, biasiswa/dermasiswa/fellowships, pencen, pembayaran lain berkala yang diterima dan hadiah berupa wang tunai atau mata benda yang diterima); dan
- (v) **Lain-lain pendapatan** (termasuk sewa dinilai bagi rumah diduduki oleh pemilik, hasil sewa daripada rumah/harta lain dan sewa daripada tempat menginap).

## INCOME

### Household

A household is defined as a person or a group of related and/or unrelated persons who usually live together and make common provisions for food and other living essentials.

However, an additional condition is attached to the Household Expenditure Survey whereby the persons mentioned above are required to stay in the said living quarter for 16 days or more, in the reference period.

### Household income

Household income refers to total income accrued to members of a household, both in cash and/or in-kind on a regular basis in one year or more often.

### Main source of income

Detailed information on income was obtained from the household members who are income recipients. The main source of income collected include:-

- (i) Earnings from **paid employment** (including wages and salaries, cash allowances, bonuses, commissions, overtime payments, free/concessional food, free/concessional lodging, free/concessional consumer goods and services, payment in-kinds and employer's contributions to EPF/SOCSSO);
- (ii) Income from **self-employment** (including value of home-produced goods for own consumption);
- (iii) **Property income** (including royalties, rents, interests and dividends);
- (iv) **Current transfers received** (including remittances, alimony, scholarships/bursaries/fellowships, pensions, other periodic payments received and gifts in cash or in-kind); and
- (v) **Other income** (including imputed rent of owner-occupied house, rental income from house/other property and rent from lodging).

## KEMISKINAN

Konsep kemiskinan yang digunakan adalah berdasarkan kepada kaedah yang telah diperkenalkan pada tahun 2004 iaitu dengan mengambil kira PGK makanan dan PGK bukan makanan bagi setiap isi rumah yang dilawati. PGK ditakrifkan secara berasingan bagi setiap isi rumah dalam PPIR/KA. Setiap PGK ini mengambil kira perkara-perkara berikut:

### i) Saiz isi rumah dan komposisi demografi

Isi rumah yang mempunyai bilangan ahli yang ramai memerlukan lebih perbelanjaan untuk makanan dan bukan makanan bagi mencapai taraf hidup yang memuaskan untuk semua ahlinya. Oleh kerana keperluan kalori berbeza di antara jantina dan peringkat umur, maka PGK makanan akan berbeza mengikut komposisi demografi isi rumah.

### ii) Lokasi isi rumah: Negeri dan strata (bandar/luar bandar)

Harga bagi makanan dan bukan makanan berbeza secara ketara antara negeri dan antara kawasan bandar dengan luar bandar. Sebagai contoh, harga di Kuala Lumpur biasanya lebih tinggi daripada kawasan lain. PGK baru ini mengambil kira perbezaan harga ini.

Sesebuah isi rumah dalam PPIR/KA dianggap miskin jika pendapatannya kurang daripada PGKnya. Ini bermaksud isi rumah tersebut kekurangan sumber untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. Sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar jika pendapatannya kurang daripada PGK makanannya. PGK bagi setiap isi rumah adalah berbeza mengikut lokasi (negeri dan strata), saiz isi rumah dan komposisi demografi.

## Perbelanjaan penggunaan isi rumah

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bermaksud segala perbelanjaan ke atas barang-barang dan perkhidmatan yang diperoleh oleh isi rumah untuk kegunaan persendirian sepanjang tempoh rujukan.

Butir-butir perbelanjaan dikelaskan kepada dua belas kumpulan umum mengikut fungsi barang dan perkhidmatan yang biasa digunakan oleh orang awam dalam kehidupan harian. Kumpulan-kumpulan tersebut adalah **makanan dan minuman bukan alkohol; minuman alkohol dan tembakau; pakaian dan kasut; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; kesihatan; pengangkutan; komunikasi; perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; pendidikan; restoran dan hotel; dan pelbagai barang dan perkhidmatan.**

## POVERTY

*The concept of poverty used is based on the methodology introduced in year 2004 which took into consideration of food PLI and non-food PLI for each household visited. PLI is defined separately for each household in the HIS/BA. Each household's PLI takes into consideration the following factors:*

### i) *The household's size and demographic composition*

*Larger households require more food and non-food expenditures to achieve a satisfactory standard of living for its members. As the caloric requirements vary by sex and age, the food PLI also varies in accordance with the demographic composition of the household.*

### ii) *The household's location: State and strata (urban/rural)*

*Food and non-food prices vary significantly across states and between urban and rural areas. For example prices in Kuala Lumpur are usually higher than elsewhere. The new PLI takes into account of these price variations.*

*A household in the Household Income Survey is considered poor if its income is less than its PLI. This means that it lacks the resources to meet the basic food and non-food needs of its individual members. A household is considered hard-core poor if its income is below the food PLI. PLI for each household is different according to the location (state and strata), household size and demographic composition.*

## **Household consumption expenditure**

*Household consumption expenditure is the expenditure incurred by private households on consumption goods and services during the reference period.*

*The consumption expenditure items were classified into twelve broad groups according to the goods and services which were commonly used in people's daily life. The groups so classified were **food and non-alcoholic beverages; alcoholic beverages and tobacco; clothing and footwear; housing, water, electricity, gas and other fuels; furnishings, household equipment and routine household maintenance; health; transport; communication; recreation services and culture; education; restaurants and hotels; and miscellaneous goods and services***



## PERDAGANGAN LUAR NEGERI

### Import

Sesuatu barang dianggap sebagai import apabila ianya dibawa masuk ke dalam negara, sama ada terus ataupun disimpan di gudang-gudang yang dikawal tanpa mengira sama ada barang tersebut adalah untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain. Ia juga diistilahkan sebagai 'Import umum'.

### Eksport

Sesuatu barang (keluaran atau buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) dianggap sebagai eksport apabila ianya dibawa keluar dari negara. Ia juga diistilahkan sebagai 'eksport umum'.

### Eksport Semula

Sesuatu barang dianggap sebagai eksport semula apabila ianya dibawa keluar dari negara dalam keadaan seperti mana ianya diimport tanpa mengalami sebarang perubahan rupa. Proses membungkus semula, menyisih atau menggred tidak dikira sebagai satu proses perubahan rupa.

### Import c.i.f. (kos, insuran dan tambang)

Nilai barangan di pasaran di sempadan perangkaan/kastam negara pengimport termasuk semua perbelanjaan insuran dan tambang semasa dalam perjalanan tetapi kos pemunggaran dari alat pengangkutan tidak diambil kira kecuali kos tersebut ditanggung sendiri oleh pengangkut.

### Eksport f.o.b. (free on board)

Nilai barangan di pasaran di sempadan perangkaan/kastam negara pengeksport, termasuk semua perbelanjaan pengangkutan ke sempadan tersebut, duti eksport dan duti lain yang kena dibayar serta kos untuk memunggah barang ke atas alat pengangkutan kecuali kos terakhir itu ditanggung sendiri oleh pengangkut.

### Imbangan Perdagangan

Perbezaan antara nilai eksport dan import. Apabila eksport melebihi import lebihan direkodkan manakala defisit pula dicatatkan apabila import melebihi eksport.

## EXTERNAL TRADE

### Imports

*Goods are regarded as imports when they are brought into the country either directly or into bonded warehouses, irrespective of whether such goods are for consumption, to be processed, use in manufacturing or subsequent re-exports to other countries. It is also termed as 'general imports'.*

### Exports

*Goods (locally produced or manufactured or imported for subsequent re-exports) are regarded as exports when they are taken out of the country. It is also termed as 'general exports'.*

### Re-exports

*Goods are regarded as re-exports when they are taken out of the country in the same form as they were imported without any transformation. Re-packing, sorting or grading processes are not considered as part of the transformation process.*

### Imports c.i.f. (cost, insurance and freight)

*The value of the goods in the market at the statistical/customs frontier of the importing country, including all charges for transport and insurance whilst in transit but excluding the cost of unloading from the carrier unless it is borne by the carrier.*

### Exports f.o.b. (free on board)

*The value of the goods in the market at the statistical/custom frontier of the exporting country, including all cost of transporting the goods to the statistical/customs frontier, export and other duties payable as well as the cost of loading the goods onto the carrier unless the latter cost is borne by the carrier.*

### Balance Of Trade

*The difference between the value of exports and imports. When exports exceed imports it is recorded as a surplus while a deficit is registered when imports exceed exports.*



## **PERTANIAN**

### **Getah / Kelapa Sawit / Kelapa / Koko**

#### **Estet**

Sesebuah estet getah/ kelapa sawit/ kelapa/ koko ditakrifkan seperti berikut :

- (i) semua kawasan bersambungan atau berpecah-pecah dengan keluasan tidak kurang daripada 40.47 hektar (100 ekar), ditanam dengan sesuatu tanaman atau di mana penanaman tanaman tersebut dibenarkan dan di bawah satu hak milik yang sah ; atau
- (ii) mana-mana keluasan yang ditanam dengan sesuatu tanaman tersebut di estet yang telah sedia ada.

#### **Kebun Kecil**

Sesebuah kebun kecil getah/ kelapa sawit/ kelapa/ koko ditakrifkan sebagai semua kawasan, bersambungan atau berpecah-pecah, dengan keluasan kurang daripada 40.47 hektar (100 ekar), ditanam dengan sesuatu tanaman atau di mana penanaman tanaman tersebut dibenarkan dan di bawah satu hak milik yang sah.

Walau bagaimanapun, rancangan kemajuan tanah (RISDA, FELDA, FELCRA dan sebagainya) adalah dimasukkan sebagai kebun kecil walaupun ada di antara rancangan kemajuan tanah mungkin mempunyai keluasan lebih daripada 40.47 hektar (100 ekar).

#### **Pengeluaran Getah Asli**

Pengeluaran getah asli merujuk kepada kandungan getah kering (KGK) susu getah cair, skrap dan getah keping yang dihasilkan oleh estet dan pekebun kecil.

Data pengeluaran estet diperoleh terus daripada estet. Manakala data pengeluaran pekebun kecil diperoleh daripada syarikat pemproses getah.

#### **Purata Keluasan (Getah) Ditoreh**

Ia adalah purata keluasan di bawah getah matang yang telah ditoreh termasuk kawasan yang "direhatkan" di bawah sistem giliran torehan.

#### **Keluasan Bertanam**

Keluasan yang ditanam dengan getah, kelapa sawit, kelapa atau koko sama ada matang dan / atau belum matang.

## **AGRICULTURE**

### **Rubber / Oil Palm / Coconut / Cocoa**

#### **Estates**

*A rubber/ oil palm/ coconut/ cocoa estate is defined as :*

- (i) all areas, contiguous or non-contiguous, aggregating not less than 40.47 hectares (100 acres), planted with the crop or on which the planting of the crop is permitted and is under a single legal ownership ; or*
- (ii) any area planted with the crop in an already existing estate.*

#### **Smallholdings**

*A rubber/ oil palm/ coconut/ cocoa smallholding is defined as all areas, contiguous or non-contiguous, aggregating less than 40.47 hectares (100 acres) planted with the crop or on which the planting of the crop is permitted and is under a single legal ownership.*

*However, land development schemes (RISDA, FELDA, FELCRA and others) are included as smallholdings although some land schemes may be more than 40.47 hectares (100 acres).*

#### **Production of Natural Rubber**

*Production of natural rubber refers to the dry rubber content (DRC) of field latex, scrap and sheets produced by estates and smallholders.*

*Estate production is obtained directly from the estates. While, smallholding production is obtained from rubber processors companies.*

#### **Average Tapped Area**

*This is the average area under mature rubber that has been tapped, including areas 'rested' under rotational systems.*

#### **Planted Area**

*The area of rubber, oil palm, coconut or cocoa which is either matured and/or immature.*

### **Keluasan Matang**

Keluasan yang ditanam dengan getah, kelapa sawit, kelapa atau koko sama ada telah ditoreh atau dipungut hasilnya atau dianggap sudah boleh ditoreh atau dipungut hasilnya.

### **Keluasan Belum Matang**

Keluasan yang ditanam dengan getah, kelapa sawit, kelapa atau koko yang belum boleh ditoreh atau dipungut hasilnya.

### **Padi**

#### **Musim Utama**

Musim Utama ialah tempoh bertanam padi yang tidak memerlukan sistem pengairan secara menyeluruh. Dari segi pentadbiran, Musim Utama ditakrifkan sebagai tarikh padi mula ditanam antara 1 Ogos - 28/29 Februari tahun berikutnya.

#### **Luar Musim**

Luar Musim ialah musim kering dan tanaman padi biasanya bergantung kepada sistem pengairan. Dari segi pentadbiran, Luar Musim ditakrifkan sebagai tarikh padi mula ditanam antara 1 Mac - 31 Julai dalam tahun berkenaan.

#### **Padi Sawah**

Padi Sawah merujuk kepada padi yang ditanam di sawah padi yang bertakung air semasa peringkat pertumbuhannya. Ia merupakan jenis padi yang utama ditanam di Malaysia dan terdiri daripada pelbagai varieti padi.

#### **Padi Huma**

Padi Huma merujuk kepada padi yang ditanam di kawasan kering sama ada di tanah tinggi atau tanah rendah dan bergantung kepada air hujan sahaja untuk keperluan bekalan airnya.

### **Matured Area**

*The area of rubber, oil palm, coconut or cocoa which is either being tapped or harvested or is considered tapped or harvested.*

### **Immature Area**

*The area of rubber, oil palm, coconut or cocoa which is not been tapped or harvested.*

### **Paddy**

#### **Main Season**

*The Main Season is the period when paddy is grown without depending wholly on any irrigation system. For administrative purposes, Main Season is defined as the commencement date of paddy planting between 1<sup>st</sup> August - 28/29 February of the following year.*

#### **Off Season**

*Off Season is the dry period and paddy planting normally depends on an irrigation system. For administrative purposes, Off Season is defined as the commencement date of paddy planting between 1<sup>st</sup> March - 31<sup>st</sup> July of the year.*

#### **Wetland Paddy**

*Wetland Paddy refers to paddy planted on water-logged field during its growing stage. It is the primary paddy type planted in Malaysia and comprises of different paddy varieties.*

#### **Dryland Paddy**

*Dryland Paddy refers to paddy planted on dry areas whether on upland or low land and depends purely on rainfall for its water requirements*

## TERNAKAN

Bilangan ternakan merujuk kepada ternakan domestik yang matang dan belum matang.

### Sembelihan Ternakan Yang Direkodkan

Data merujuk kepada bilangan ternakan yang dilaporkan oleh individu yang memohon permit daripada setiap Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri untuk melakukan sembelihan. Termasuk juga jumlah sembelihan di bawah rumah sembelihan seliaan jabatan.

## PERHUTANAN

### Keluasan hutan

Termasuk Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan, Tanah Bermilik, Taman Hidupan Liar dan lain-lain kawasan rizab.

Hutan Simpanan Kekal merujuk kepada tanah hutan milik kerajaan yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pembalakan dengan kebenaran Jabatan Perhutanan dan memerlukan penanaman semula selepas aktiviti pembalakan.

Hutan Tanah Kerajaan ialah tanah hutan milik kerajaan dan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pembalakan. Penanaman semula tidak diperlukan selepas aktiviti pembalakan.

Hutan Tanah Bermilik ialah tanah hutan yang diberi hak milik oleh kerajaan kepada individu/pertubuhan.

## LIVESTOCK

*Livestock population refers to matured and immature domestic livestock .*

### *Recorded Slaughter Of Livestock*

*Data refers to number of livestock reported by individual who have applied permits from State Department of Veterinary Services for slaughtering activities. It also includes total number of slaughtered livestock from slaughtered house under the supervision of the department.*

## FORESTRY

### Forest Area

*Includes Permanent Reserved Forest, State Land, Alienated Land, Wildlife Reserve and other reserve areas.*

*Permanent Reserved Forest refers to land owned by government which is permitted for logging activities with the permission of the Forestry Department and need replanting after the logging activities.*

*State Land refers to land owned by government which is permitted for logging activities. Replanting is not required after the logging activities.*

*Alienated Land refers to land that the ownership is given to individual/establishments by government .*

## PERIKANAN

Perikanan ialah penangkapan, pemungutan dan pembiakan hidupan laut daripada lautan, pinggir pantai, perairan pedalaman dan kuala atas dasar komersial.

Akuakultur adalah pembiakan benih ikan atau pemeliharaan biak ikan melalui perusahaan ternak keseluruhan atau sebahagian daripada peredaran hidupnya. Akuakultur terdiri daripada akuakultur air tawar dan air payau/ masin.

### Nelayan

Nelayan merujuk kepada individu yang mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti menangkap ikan dari vesel perikanan, peranti kekal atau terapung, atau dari pantai. Tetapi tidak termasuk mereka yang bekerja sebagai pemproses atau peniaga ikan.

### Pemilik

Pemilik merujuk kepada nelayan yang memiliki peralatan menangkap ikan, bot serta mengetuai aktiviti menangkap ikan.

### Taikong

Taikong merujuk kepada nelayan yang dilantik sebagai ketua dalam menjalankan aktiviti penangkapan ikan.

### Vesel

Vesel merupakan bot/ sampan yang digunakan bagi aktiviti penangkapan ikan. Terdapat dua kategori iaitu :

- (i) Tiada berjentera
  - Merujuk kepada sampan.
- (ii) Berjentera
  - Terdiri daripada berjentera sangkut dan berjentera dalam:
    - a) Berjentera sangkut iaitu bot/sampan yang menggunakan enjin mudah alih; dan
    - a) Berjentera dalam iaitu bot yang menggunakan enjin tetap.

### Peralatan Menangkap Ikan

Peralatan menangkap ikan terdiri daripada pukut tunda, pukut tarik/jerut, pukut hanyut, pancing, belat -belat, bubu/perangkap, pukut bakul, pukut surung/ tangguk, pukut rentang dan lain-lain.

## FISHERIES

*Fisheries includes marine the catching, gathering, breeding and cultivation of marine life in ocean, coastal, inland and estuary waters on a commercial basis.*

*Aquaculture is the propagation of fish seed or the raising of fish through husbandry during the whole or part of its life cycle. Aquaculture consists of freshwater aquaculture and brackishwater/ marine aquaculture.*

### Fisherman

*Fisherman refers to an individual, or any male or female who takes part in fishing conducted from a fishing vessel, a floating platform, or from shore. However this does not include those fish processor or traders.*

### Owner

*Owner refers to the fisherman who owned fishing equipment, boat and lead a fishing operation/ activities.*

### Taikong

*Taikong refers to a fisherman that was appointed as a captain in a fishing operation/activities.*

### Vessel

*Vessel is a boat/ rowboat which is used for fisheries activities. There are two categories:*

- (i) Non-powered
  - Refers to rowboat.
- (ii) Powered
  - Consists of outboard-powered and inboard-powered :
    - a) Outboard-powered is a boat/rowboat using a portable engine; and
    - b) Inboard-powered is a boat using a static engine.

### Fishing Gears

*Fishing gears consists of trawl nets, seine nets, drift/ gill nets, hooks and lines, stakes, portable traps, bag nets, push/ scoop/ lift nets, barrier nets and others.*

### Sistem Akuakultur

Sistem akuakultur terdiri daripada :

(i) Sistem kolam

- Sistem ternakan ikan di dalam kolam.

(ii) Sistem bekas lombong

- Sistem untuk memelihara ikan di mana-mana tanah yang pernah (tetapi tidak lagi) diberi atau dikeluarkan pajakan lombong atau sijil lombong di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai perlombongan.

(iii) Sistem sangkar

- Sistem untuk memelihara ikan di dalam suatu kepungan yang dibuat daripada apa-apa bahan saringan yang diikat pada struktur yang dilabuhkan pada dasar perairan sungai atau mana-mana tempat di darat.

(iv) Sistem tangki

- Sistem ternakan ikan di dalam tangki di atas tanah.

(v) Sistem kandang

- Sistem yang merupakan kepungan diperbuat daripada bahan pengadang, dilekatkan pada tiang yang ditanam ke dasar laut dan digunakan bagi maksud membesarkan atau memelihara ikan.

### Aquaculture System

Aquaculture system consists of :

(i) Pond culture system

- The system of fish culture in ponds.

(ii) Ex-mining culture system

- The system of fish culture on any land in respect of which a mining lease or certificate were once (but no longer) granted or issued under any written law relating to mining.

(iii) Cage culture system

- The system of fish culture in an enclosure on whatever shape or size made of any screening material and attached to floating structures which are anchored to the seabed.

(iv) Tank culture system

- The system of fish culture in tanks on land.

(v) Pen culture system

- The system of fish culture in an enclosure made of any screening material attached to poles staked to the seabed.

**PEMBUATAN, PEMBINAAN,  
PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN, ELEKTRIK  
DAN INDEKS PENGELUARAN  
PERINDUSTRIAN**

**MANUFACTURING, CONSTRUCTION,  
MINING & QUARRYING, ELECTRICITY  
AND INDEX OF INDUSTRIAL  
PRODUCTION**

**SEKTOR PEMBUATAN**

Pembuatan ditakrifkan sebagai "perubahan fizikal atau kimia ke atas bahan atau komponen menjadi produk baru, sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang dijalankan oleh kuasa atau yang dijalankan dengan tangan, sama ada dijalankan dalam kilang atau di rumah pekerja, dan sama ada barang keluaran dijual secara borong atau runcit".

**MANUFACTURING SEKTOR**

*Manufacturing is defined as "the physical or chemical transformation of materials or components into new products, whether the work is performed by power-driven machines or by hand, whether it is done in a factory or in the worker's home, and whether the products are sold at wholesale or retail."*

**SEKTOR PEMBINAAN**

Pembinaan bermaksud "pembinaan baru, pengubahsuaian, pembaikan dan perobohan. Pemasangan sebarang jenis jentera atau peralatan yang dipasang ketika pembinaan asal adalah diambil kira, demikian juga bagi pemasangan jentera atau peralatan selepas pembinaan asal tetapi memerlukan perubahan struktur bagi pemasangannya".

**CONSTRUCTION SEKTOR**

*Construction refers to "new construction, alteration, repairs and demolition. Installation of any machinery or equipment which is built-in at the time of the original construction is included, as well as installation of machinery or equipment after the original construction but which requires structural alteration in order to install".*

Perangkaan yang dikemukakan dalam Bahagian ini merujuk kepada pertubuhan yang menjalankan aktiviti pembinaan sebagai kegiatan utama.

*The statistics given in this Division refer to establishments primarily engaged in construction activity.*

**SEKTOR PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN**

Perlombongan merupakan sebahagian daripada kategori 'Perlombongan dan Pengkuarian'. Ia ditakrifkan sebagai "pengekstrakan, pembersihan dan pemanfaatan mineral-mineral semula jadi, berbentuk pepejal seperti batu arang dan bijih, berbentuk cecair seperti minyak mentah dan berbentuk gas seperti gas asli. Perlombongan termasuk lombong bawah tanah dan lombong permukaan, kuari dan telaga-telaga dan semua kegiatan tambahan untuk pembersihan dan pemanfaatan bijih dan mineral mentah lain seperti pemecahan, penapisan, pembasuhan, pembersihan, penggredan, pengilangan, pengapungan, peleburan, penggentelan, pengkacipan dan persiapan-persiapan lain yang perlukan bagi menyediakan bahan-bahan ini untuk membolehkannya dipasarkan. Aktiviti perlombongan juga dikelaskan kepada kumpulan-kumpulan berdasarkan mineral utama yang dikeluarkan."

**MINING & QUARRYING SEKTOR**

*Mining is part of the category of "Mining and Quarrying. It is defined as "the extraction, purification and utilization of natural minerals, solid such as coal and ores, as liquid as crude oil and a gas such as natural gas. Mining including underground mines and surface mines, quarries and wells and all supplemental activities for dressing and use of raw ore and other minerals such as crushing, screening, washing, cleaning, grading, milling, flotation, melting, pelleting, topping and prepared-other arrangements necessary to provide these materials to enable it to market. Mining activities are classified into groups based on the principal mineral produced. "*



### SEKTOR PERLOMBONGAN & PENGKUARIAN (SAMB.)

*“Pengkuarian batu ditakrifkan sebagai pengekstrakan batu bangunan dan monumen; batuan untuk jalan dan batu baur konkrit, batu kapur, batu pasir, kuarzit, sabak, alunit, argilit, syal (batu lumpur), serpentinit, syenit, rionit, andesit, tuf, basalt, diorit, granodiorit, batu tembikar dan batu tukang dari bumi”.*

### SEKTOR ELEKTRIK

Elektrik merujuk kepada “penjanaan, pengumpulan, pemancaran atau pengagihan tenaga elektrik untuk jualan kepada pengguna isirumah, perindustrian atau komersil”.

### INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN

Indeks Pengeluaran Perindustrian merupakan satu indikator jangka pendek yang mengukur kadar perubahan sebenar pengeluaran komoditi perindustrian bagi satu tempoh masa. Indeks dalam bahagian ini merujuk kepada Malaysia. Indeks Pengeluaran Perindustrian meliputi sektor Pembuatan, Perlombongan dan Elektrik.

Penyusunan indeks ini menggunakan formula Laspeyres dengan tahun 2005 sebagai tahun asas tetap.

### MINING & QUARRYING SECTOR (CONT'D)

*“Stone Quarrying is defined as the extraction from the earth of building and monumental stones; rocks for road metal and concrete aggregates; cement rock and dimension stone and other rock materials. It includes quarrying of granite, limestone, sandstone, quartzite, slate, allunite, argillite, shale (mudstone), serpentinite, syenite, rhyolite, andesite, tuff, basalt, diorite, granodiorite, pottery stone and masonry stone”*

### ELECTRICITY SECTOR

*Electricity refers to ‘the generation, collection, transmission or distribution of electric energy for sale to household, industrial or commercial users’.*

### INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION

*The Index of Industrial Production is a short-term indicator which measures the rate of change in the production of industrial commodities in real term over time. The indices given in this Section refer to Malaysia as a whole. The Index of Industrial Production covers the Manufacturing, Mining and Electricity sectors.*

*The index is compiled using fixed base Laspeyres formula with 2005 as the base year.*

## PERKHIDMATAN

### PERKHIDMATAN PERDAGANGAN EDARAN

Perkhidmatan Perdagangan Edaran yang merangkumi Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Kenderaan Bermotor merujuk kepada aktiviti "penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baru dan barangan yang telah digunakan". Perdagangan Borong merujuk kepada aktiviti penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barangan baru dan terpakai kepada peruncit, pengguna perindustrian, Perdagangan, institusi atau profesional; atau kepada pemborong lain; atau bertindak sebagai agen atau broker dalam pembelian barang dagangan, atau menjual barang dagangan kepada orang atau syarikat berkenaan. Perdagangan Runcit merujuk kepada penjualan semula (tanpa pengubahsuaian) barang baru dan terpakai kepada orang awam untuk kegunaan persendirian atau isi rumah. Kenderaan Bermotor merujuk kepada jualan secara borong dan runcit kenderaan bermotor dan motorsikal, sama ada baru atau terpakai, jualan alat-alat ganti dan aksesori kenderaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor dan motorsikal termasuk mencuci, mengilap dan menunda kenderaan serta jualan oleh agen berkomsen.

### PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DAN PENYIMPANAN

Pengangkutan dan penyimpanan merujuk kepada penyediaan bagi pengangkutan penumpang atau muatan, sama ada berjadual atau tidak, melalui rel, saluran paip, jalan raya, air atau udara dan aktiviti yang berhubung kait seperti kemudahan terminal, pengendalian kargo, penyimpanan dan lain-lain. Termasuk juga penyewaan kelengkapan pengangkutan dengan pemandu atau operator dan juga perkhidmatan pos dan kurier.

### PERKHIDMATAN PENGINAPAN

Perkhidmatan penginapan merujuk kepada penginapan jangka pendek untuk pelawat dan pelancong. Perkhidmatan penginapan meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan penginapan yang merangkumi hotel (termasuk resort), hotel bajet, pangsapuri khidmat, chalet, rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ *bed & breakfast*, tapak perkhemahan, taman reaksi kenderaan, taman treler dan jenis penginapan yang lain di seluruh Malaysia.

## SERVICES

### DISTRIBUTIVE TRADE SERVICES

*Distributive Trade Services which includes Wholesale Trade, Retail Trade and Motor Vehicles refers to the resale (sale without transformation) of new and used goods. Wholesale Trade refers to the resale (sale without transformation) of new and used goods to retailers; to industrial, commercial, institutional or professional users; or to other wholesalers; or involves acting as an agent or broker in buying merchandise for, or selling merchandise to, such persons or companies. Retail Trade refers to the resale (sale without transformation) of new and used goods to the general public for personal or household consumption or utilisation. Motor Vehicles refers to activity related to the wholesale and retail sale of motor vehicles and motorcycles, either new or used, sale of motor vehicle parts and accessories, maintenance and repair of motor vehicles and motorcycles including washing, polishing and towing as well as sales by commission agents.*

### TRANSPORTATION & STORAGE SERVICES

*Transportation & storage refers to provision of passengers or freight transport, whether scheduled or not, by rail, pipeline, road, water or air and associated activities such as terminal and parking facilities, cargo handling, storage, ect. Included also renting of transport equipment with driver or operator and postal and courier services.*

### ACCOMMODATION SERVICES

*Accommodation services refers to provision \ of short-stay for visitors and other travelers. Accommodation services covered all registered establishments engaged in the accommodation services including hotels (including resort hotels), budget hotels, services apartment, chalets, rest houses/ guest houses, hostels, bed & breakfast, camping ground, recreational vehicle parks, trailer parks and other types of accommodation in Malaysia.*

### PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN

Perkhidmatan makanan dan minuman merujuk kepada penyediaan hidangan makanan dan minuman untuk penggunaan segera, sama ada di restoran tradisional, restoran layan diri atau bawa pulang, yang didirikan secara kekal dengan atau tiada kemudahan tempat duduk. Hidangan yang dibekalkan untuk penggunaan segera adalah faktor yang diambil kira bukannya jenis kemudahan untuk menyediakan hidangan tersebut.

### PERKHIDMATAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi merujuk kepada penyediaan produksi dan pengedaran maklumat dan produk kebudayaan serta peruntukan untuk menghantar atau mengedar produk tersebut seperti data atau komunikasi, aktiviti teknologi maklumat dan prosesan data dan aktiviti perkhidmatan maklumat yang lain. Termasuk dalam perkhidmatan ini ialah aktiviti penerbitan, wayang gambar, pengeluaran video dan program televisyen, rakaman bunyi dan penerbitan muzik, pemrograman dan penyiaran, telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan dan aktiviti berkaitan dan aktiviti perkhidmatan maklumat.

### PERKHIDMATAN KEWANGAN

Perkhidmatan kewangan merujuk kepada aktiviti sokongan kepada perkhidmatan kewangan. Perkhidmatan ini termasuk broker stok, saham dan bon, broker dan peniaga komoditi, broker dan peniaga tukaran wang asing dan perkhidmatan pengurup wang.

### PERKHIDMATAN HARTANAH

Perkhidmatan hartanah merujuk kepada aktiviti seperti pemberi pajak, agen dan/atau broker di dalam satu atau lebih daripada penjualan atau pembelian hartanah, penyewaan hartanah, penyediaan perkhidmatan hartanah lain seperti penilaian hartanah atau bertindak sebagai agen hartanah eskrow. Aktiviti ini mungkin dijalankan diatas hartanah milikan sendiri atau pajakan dan mungkin berlaku atas dasar bayaran atau kontrak.

### FOOD & BEVERAGE SERVICES

*Food and beverage refers to providing meals and drinks fit for immediate consumption, whether in traditional restaurants, self-service or take-away restaurants, whether as permanent with or without seating. Decisive is the fact that meals fit for immediate consumption are offered, not the kind of facility providing them.*

### INFORMATION AND COMMUNICATION SERVICES

*Information and communication refers to production and distribution of information and cultural products, the provision of the means to transmit or distribute these products, as well as data or communications, information technology activities and the processing of data and other information services activities. This services includes publishing activities, motion picture, video and television programme production, sound recording and music publishing activities, broadcasting and programming activities, telecommunications, computer programming, consultancy and related activities and information services activities.*

### FINANCIAL SERVICES

*Financial services refers to activities auxiliary to financial service activities. This services includes stock, share and bond brokers, commodity brokers and dealers, foreign exchange brokers and money-changing services.*

### REAL ESTATE SERVICES

*Real estate services refers to activities acting as lessors, agents and/or brokers in one or more of selling or buying real estate, renting real estate, providing other real estate services such as appraising real estate or acting as real estate escrow agents. This activities may be carried out on own or leased property and may be done on a fee or contract basis.*

### **PERKHIDMATAN PROFESIONAL, SAINTIFIK DAN TEKNIKAL**

Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal merujuk kepada aktiviti penyediaan atau memerlukan tahap latihan yang tinggi dan menjadikan pengetahuan dan kemahiran khusus tersedia kepada pengguna. Perkhidmatan ini termasuk aktiviti guaman, aktiviti perakaunan, aktiviti ibu pejabat, aktiviti perundingan pengurusan, aktiviti arkitek dan kejuruteraan, ujian teknikal dan analisis, penyelidikan dan pembangunan saintifik, pengiklanan dan penyelidikan pasaran, aktiviti profesional, saintifik dan teknikal lain dan aktiviti veterinar.

### **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

Perkhidmatan pentadbiran dan sokongan termasuk pelbagai aktiviti yang menyokong operasi am perniagaan. Ini melibatkan aktiviti sewaan dan pajakan, aktiviti pekerjaan, agensi pengembaraan, operator pelancongan, aktiviti perkhidmatan penempahan lain, aktiviti keselamatan dan penyiasatan, aktiviti perkhidmatan kepada bangunan dan lanskap dan aktiviti pengurusan pejabat, sokongan pejabat dan perniagaan lain.

### **PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

Perkhidmatan pendidikan termasuk pendidikan pada mana-mana peringkat atau untuk mana-mana profesion, secara lisan atau penulisan dan juga melalui siaran radio dan televisyen atau saluran komunikasi lain yang bersamaan dengannya. Ia termasuk sistem persekolahan biasa pelbagai peringkat yang dilaksanakan oleh institusi yang berlainan dan juga pendidikan dewasa, program literasi dan lain-lain. Ia termasuk pendidikan pra-sekolah & rendah, pendidikan menengah, pendidikan tinggi dan pendidikan lain.

### **PROFESSIONAL, SCIENTIFIC AND TECHNICAL SERVICES**

*Professional, scientific and technical services refers to activities providing or require a high degree of training, and make specialized knowledge and skills available to users. This services includes legal and accounting activities, activities of head offices, management consultancy activities, architectural and engineering activities, technical testing and analysis, scientific research and development, advertising and market research, other professional, scientific and technical activities and veterinary activities.*

### **ADMINISTRATIVE AND SUPPORT SERVICES**

*Administrative and support services includes a variety of activities that support general business operations. Includes rental and leasing activities, employment activities, travel agency, tour operator and other reservation service activities, security and investigation activities, services to buildings and landscape activities, office administrative, office and other business support activities.*

### **EDUCATION SERVICES**

*Education services includes education at any level or for any profession, oral or written as well as by radio and television or other means of communication. It includes education by the different institutions in the regular school system at its different levels as well as adult education, literacy programmes, ect. This includes pre-primary & primary education, secondary education, higher education and other education.*

### **PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN KERJA SOSIAL**

Perkhidmatan kesihatan dan kerja sosial merujuk aktiviti bermula daripada penjagaan kesihatan yang disediakan oleh profesional perubatan terlatih di hospital dan kemudahan lain sehinggalah kepada aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti penjagaan kesihatan kepada kerja sosial tanpa penglibatan profesional dalam penjagaan kesihatan. Ini termasuklah aktiviti hospital, aktiviti amalan perubatan & pergigian, aktiviti kesihatan kemanusiaan lain, aktiviti rumah penjagaan dan aktiviti kerja sosial tanpa penginapan.

### **PERKHIDMATAN KESENIAN, HIBURAN DAN REKREASI**

Perkhidmatan kesenian, hiburan dan rekreasi termasuk pelbagai aktiviti bagi memenuhi minat orang awam dalam aktiviti kebudayaan, hiburan dan rekreasi meliputi persembahan secara langsung, operasi muzium, perjudian, sukan dan rekreasi.

### **PERKHIDMATAN PERSendirian DAN LAIN-LAIN AKTIVITI**

Perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti termasuk aktiviti keahlian organisasi, membaiki komputer dan barangan persendirian dan isi rumah dan pelbagai aktiviti perkhidmatan persendirian lain yang tidak diliputi di dalam mana-mana klasifikasi Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia.

### **HEALTH AND SOCIAL WORK SERVICES**

*Health and social work services refers activities starting from health care provided by trained medical professionals in hospitals and other facilities, over residential care activities that still involve a degree of health care activities to social work activities without any involvement of health care professionals. This includes hospital activities, medical & dental practice activities, other human health activities, residential care activities and social work activities without accommodation.*

### **ARTS, ENTERTAINMENT AND RECREATION SERVICES**

*Art, entertainment and recreation services includes a wide range of activities to meet varied cultural, entertainment and recreational interests of the general public, including live performances, operation of museum sites, gambling, sport and recreation activities.*

### **PERSONAL SERVICES AND OTHER ACTIVITIES**

*Personal services and other activities includes the activities of membership organisations, repair of computers and personal and household goods and a variety of other personal service activities not covered elsewhere in the Malaysian Standard Industrial Classification.*

## PENGANGKUTAN DAN KOMUNIKASI

### Jalan Raya

Data berkenaan panjang jalan raya yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya dikelaskan mengikut jalan yang berturap, jalan kerikil dan jalan tanah. Jadual ini turut menunjukkan maklumat jalan raya mengikut bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

### Kenderaan Bermotor yang Berdaftar

Data tentang bilangan kenderaan bermotor yang berdaftar diperoleh dari Jabatan Pengangkutan Jalan, Malaysia.

### Perangkaan Kereta Api

Perangkaan kereta api diperoleh dari dua punca iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Keretapi Negeri Sabah. Perlu diambil perhatian bahawa tiada sistem kereta api di negeri Sarawak.

### Perangkaan Lalu lintas Udara

Malaysia Airports Holdings Berhad dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia menyediakan data berkenaan penerbangan, bilangan penumpang yang berlepas / mendarat dan jumlah kargo dan mel yang diuruskan di lapangan terbang.

Maklumat ini hanya berkaitan dengan semua data mengenai aktiviti penerbangan perdagangan. Manakala data tentang bagasi penumpang, muatan diplomatik, stor kapal terbang dan kargo transit tidak dimasukkan.

Definisi yang digunakan:

1. Satu penerbangan merujuk kepada pendaratan atau pelepasan oleh sesebuah kapal terbang untuk satu penerbangan. Pendaratan dan kemudiannya penerbangan dengan kapal terbang yang sama dikirakan sebagai dua penerbangan.
2. Penumpang yang turun/naik merujuk kepada semua penumpang bukan transit yang tiba atau bertolak dari Malaysia.

## TRANSPORT AND COMMUNICATION

### Roads

*Data on road mileage provided by the Public Works Department are classified into paved, gravel and earthen roads. The table also highlights information on the jurisdiction of roads by the Federal and State Governments.*

### Vehicles Registered

*Data on the number of motor vehicles registered are obtained from the Road Transport Department, Malaysia.*

### Railway Statistics

*Railway statistics are obtained from two sources, namely Keretapi Tanah Melayu Berhad and Keretapi Negeri Sabah. It is to be noted that there is no railway system in Sarawak.*

### Air Traffic Statistics

*The Malaysia Airports Holdings Berhad and Malaysia Department of Civil Aviation provides data on flight movements, the number of passengers embarked / disembarked and the volume of cargo and mail handled at the airports.*

*This information is only in respect of all commercial flight activities. Data on passengers' baggages, diplomatic freights, aircraft stores and transit cargo are however excluded.*

*Definitions of terms used :*

1. *A flight refers to a landing or take-off by an aircraft on a commercial flight. A landing and subsequent take-off by the same aircraft is counted as two flights.*
2. *Embarked/disembarked passengers refer to all non-transit passengers who arrived at or departed from Malaysia.*



### **Perangkaan Perkapalan**

Data tentang ketibaan dan pelayaran kapal laut termasuk muatan yang diisi/dipunggah di pelabuhan Malaysia disediakan oleh Jabatan Laut di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

### **Perangkaan Pos**

Data berkaitan bilangan pejabat pos termasuk benda-benda pos yang diposkan dibekalkan oleh Pos Malaysia Berhad.

### **Perangkaan Telekomunikasi**

Maklumat tentang bilangan pelanggan telefon disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Telekom Malaysia Berhad.

### **Pelanggan Internet**

Maklumat tentang pelanggan Internet diperoleh daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

### ***Shipping Statistics***

*Data on the arrivals and departures of ocean-going vessels plus cargo loaded/discharged at Malaysian ports are provided by the Marine Departments in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.*

### ***Postal Statistics***

*Data on the number of post offices plus the items posted are supplied by Pos Malaysia Berhad.*

### ***Telecommunications Statistics***

*Information on the number of telephone subscribers are provided by Malaysian Communications and Multimedia Commission and Telekom Malaysia Berhad.*

### ***Internet Subscribers***

*Information on Internet subscribers are obtained from Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).*

## AKAUN NEGARA

### Keluaran Dalam Negeri Kasar

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran nilai keluaran oleh semua unit pengeluaran bagi residen sesebuah negara dalam tempoh tertentu, sebelum ditolak peruntukan bagi penggunaan modal tetap.

Tiga kaedah pendekatan yang boleh digunakan untuk mengukur KDNK ialah kaedah pengeluaran, kaedah perbelanjaan dan kaedah pendapatan. Namun begitu, penerbitan ini hanya membentangkan kaedah pengeluaran dan perbelanjaan sahaja.

KDNK berdasarkan kaedah pengeluaran ialah jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak dengan kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran tetapi sebelum ditolak peruntukan bagi penggunaan modal tetap.

Sementara itu, KDNK berdasarkan kaedah perbelanjaan ialah jumlah akhir perbelanjaan pada harga pembeli ditolak nilai f.o.b import barangan dan perkhidmatan.

### Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan terdiri daripada perbelanjaan, termasuk perbelanjaan di mana nilainya perlu dianggarkan secara tidak langsung, dibiayai oleh kerajaan am ke atas penggunaan barangan & perkhidmatan individu dan penggunaan perkhidmatan kolektif.

### Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta adalah perbelanjaan bagi barangan dan perkhidmatan oleh orang perseorangan dan perbelanjaan oleh institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah. Butiran ini tidak termasuk pembelian tempat kediaman oleh orang perseorangan dan perbelanjaan modal oleh institusi bukan keuntungan swasta, tetapi termasuk perbelanjaan persendirian ke atas kenderaan bermotor dan barang tahan lama yang lain serta nilai sewa tertaksir tempat kediaman yang didiami sendiri oleh pemilik.

### Pembentukan Modal Tetap Kasar

Pembentukan modal tetap kasar diukur dengan jumlah nilai perolehan pengeluar, tolak pelupusan, aset tetap dalam tempoh perakaunan campur penambahan tertentu kepada nilai aset bukan pengeluaran yang diperolehi dari aktiviti produktif unit institusi.

## NATIONAL ACCOUNTS

### Gross Domestic Product

*Gross Domestic Product (GDP) is a measurement of production by the entire production unit, which is resident in a country for a certain period before deducting the allowances for consumption of fixed capital.*

*Three approaches which can be used to measure GDP are production approach, expenditure approach and income approach. However, this publication only presents production and expenditure approaches.*

*GDP based on the production approach is the total value of goods and services produced within a given period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production but before deducting allowances for the consumption of fixed capital.*

*Meanwhile GDP based on expenditure approach, is the total final expenditures at purchasers' prices, less the f.o.b value of imports of goods and services*

### Government Final Consumption Expenditure

*Government final consumption expenditure consists of expenditure, including expenditure whose value must be estimated indirectly, incurred by general government on both individual consumption goods & services and collective consumption services.*

### Private Final Consumption Expenditure

*Private final consumption expenditure is expenditure on goods and services by persons and expenditure by private non-profit institutions serving households. This item excludes purchases of dwellings by persons and capital expenditure by private non-profit institutions, but includes personal expenditure on motor vehicles and other durable goods and the imputed rent of owner-occupied dwellings.*

### Gross Fixed Capital Formation

*Gross fixed capital formation is measured by the total value of a producer's acquisitions, less disposals, of fixed assets during the accounting period plus certain additions to the value of non-produced assets realised by the productive activity of institutional units.*

**Eksport Barangan dan Perkhidmatan**

Nilai barangan dan perkhidmatan yang dieksport dan jumlah yang diterima daripada bukan residen bagi perkhidmatan yang disediakan oleh residen Malaysia.

**Import Barangan dan Perkhidmatan**

Nilai barangan dan perkhidmatan yang diimport dan jumlah yang dibayar kepada bukan residen bagi perkhidmatan yang disediakan kepada residen Malaysia.

**Pendapatan Negara Kasar**

Pendapatan Negara Kasar (PNK) adalah bersamaan dengan KDNK ditolak dengan pendapatan primer yang dibayar kepada bukan residen ditambah pendapatan primer yang diterima daripada bukan residen.

**Duti Import**

Duti import terdiri daripada duti kastam atau caj import lain yang dibayar ke atas barangan tertentu apabila memasuki wilayah ekonomi.

**Imbangan Pendapatan Primer**

Imbangan pendapatan primer ditakrifkan sebagai jumlah nilai pendapatan primer yang diterima oleh sesebuah institusi atau sektor tolak jumlah pendapatan primer dibayar.

**Exports of Goods and Services**

*Value of goods and services exported and the amounts receivable from non-residents for the provision of services by Malaysian residents.*

**Imports of Goods and Services**

*Value of goods and services imported and amounts payable to non-residents for the provision of services to Malaysian residents.*

**Gross National Income**

*Gross National Income (GNI) is equal to GDP less primary incomes payable to non-resident units plus primary incomes receivable from non-resident units.*

**Import Duties**

*Import duties consist of customs duties, or other import charges, that are payable on goods of a particular type when they enter the economic territory.*

**Balance of Primary Income**

*Balance of primary incomes is defined as the total value of the primary incomes receivable by an institutional unit or sector less the total of the primary incomes payable.*

## IMBANGAN PEMBAYARAN

Statistik Imbangan Pembayaran Malaysia mengukur transaksi antarabangsa dalam akaun semasa dan akaun modal & kewangan. Akaun semasa merekodkan transaksi barangan, perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa manakala akaun kewangan merekodkan perubahan dalam aset dan liabiliti kewangan asing negara ini.

### Akaun Semasa

Akaun Semasa merangkumi komponen berikut:

- a. Barangan;
- b. Perkhidmatan;
- c. Pendapatan; dan
- d. Pindahan Semasa.

### Akaun Modal

Komponen di bawah akaun modal merangkumi pindahan modal dan aset bukan kewangan, bukan pengeluaran.

### Akaun Kewangan

Komponen akaun kewangan merangkumi pelaburan langsung, pelaburan portfolio, derivatif kewangan, dan aset rizab.

- **Pelaburan Langsung**

Merujuk kepada transaksi aset kewangan dan liabiliti asing ekoran daripada pelaburan langsung asing di Malaysia (FDI) dan pelaburan langsung asing di luar negeri (DIA). Data untuk kedua-dua FDI dan DIA merujuk kepada modal ekuiti, modal lain (sekuriti hutang, pinjaman, kredit perdagangan, mata wang & deposit, dll.) serta pendapatan dilabur semula.

## KEDUDUKAN PELABURAN ANTARABANGSA

Statistik Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP) mengukur stok aset kewangan dan liabiliti asing Malaysia dengan negara-negara lain. Statistik ini menggambarkan pelaburan Malaysia di luar negeri (aset) dan pelaburan asing di Malaysia (liabiliti).

## BALANCE OF PAYMENTS

*Malaysia's Balance of Payments statistics measure the international transactions on both the current and capital & financial accounts. The current account record transactions in goods, services, income and current transfers while the financial account records changes in the country's financial assets and liabilities*

### Current Account

*Current Account covers the following components:*

- a. Goods;
- b. Services;
- c. Income; and
- d. Current Transfers.

### Capital Account

*The components classified under capital account are capital transfers and nonproduced, nonfinancial assets.*

### Financial Account

*The components of financial account covers direct investment, portfolio investment, financial derivatives, other investment, and reserve assets.*

- **Direct Investment**

*Refers to transaction in foreign financial assets and liabilities arising from direct investment in Malaysia (FDI) and direct investment abroad (DIA). Data for both FDI and DIA refer to equity capital, other capital (debt securities, loans, trade credits, currency & deposit, etc.) and reinvested earnings.*

## INTERNATIONAL INVESTMENT POSITION

*The International Investment Position (IIP) statistics measure the stock of Malaysia's external financial assets and liabilities with the rest of the world. This statistics portray Malaysia's investment abroad (assets) and foreign investment in Malaysia (liabilities).*

### **PELANCONG ASING**

Perangkaan Pelancong Asing telah dikira mengikut bilangan pemergian oleh pelancong luar negeri dari negara ini dalam sesuatu tempoh tertentu.

### **Pelawat**

Bagi tujuan perangkaan, istilah ini merujuk kepada orang yang melawat sesebuah negara selain dari negara di mana terdapat tempat kediaman biasanya bagi apa-apa sebab selain daripada sebab pekerjaan yang mendapat bayaran dari negara yang dilawati.

### **Pelancong**

Pelawat yang menginap sekurang-kurangnya satu malam dan tujuan perjalanannya termasuk mengisi masa lapang (rekreasi, percutian, kesihatan, pendidikan, agama dan sukan), perniagaan, menziarahi kawan atau saudara dan menghadiri mesyuarat atau persidangan.

### **Pelawat Sementara**

Mereka adalah pelawat sementara yang tidak menginap walaupun satu malam di negara ini.

### **FOREIGN TOURISTS**

*The statistics on Foreign Tourists were enumerated according to number of departures made by foreign tourists from the country in a given period.*

### **Visitor**

*For statistical purposes, this term refers to any person visiting a country other than that in which he has his usual place of residence for any reason other than following an occupation remunerated from within the country visited.*

### **Tourist**

*Visitor making at least a single overnight stay and the purpose of whose journey include leisure (recreation, holiday, health, study, religion and sport), business, visiting friends or relatives and attending meetings or conferences.*

### **Excursionist**

*Temporary visitor not making an overnight stay in the country.*

## ALAM SEKITAR

### Pelepasan Bahan Pencemar Ke Udara

Bahan pencemar udara terdiri daripada :

#### **Karbon Monoksida (CO)**

CO merupakan gas yang tidak berwarna dan tidak berbau, tidak merengsa tetapi amat beracun.

#### **Nitrogen Dioksida (NO<sub>2</sub>)**

NO<sub>2</sub> merupakan gas bertoksik berwarna merah keperangan dan mempunyai bau yang kuat dan tajam.

#### **Sulfur Dioksida (SO<sub>2</sub>)**

SO<sub>2</sub> adalah sejenis gas reaktif yang tidak berwarna, mempunyai bau yang tajam dan merengsa serta mudah larut dalam air.

#### **Habuk Halus (PM)**

PM adalah istilah yang digunakan bagi partikel terampai.

## Buangan Terjadual

Buangan terjadual merujuk kepada kategori sisa tersenarai dalam Jadual Pertama Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Ia juga ditakrifkan sebagai buangan toksid dan berbahaya yang dihasilkan oleh industri, pertanian, bengkel, kontraktor buangan terjadual, aktiviti domestik dan buangan klinikal dari hospital.

## Kualiti Air Sungai

Indeks Kualiti Air (IKA) digunakan sebagai asas penilaian kualiti air untuk menentukan status kualiti air sungai. IKA diklasifikasikan mengikut tiga kategori iaitu Bersih (B), Sederhana Tercemar (ST) dan Tercemar (T).

Enam parameter utama yang digunakan untuk mendapatkan IKA adalah Keperluan Oksigen Biokimia (BOD<sub>5</sub>), Ammoniakal Nitrogen (NH<sub>3</sub>-N), Pepejal terampai (SS), Keperluan Oksigen Kimia (COD), nilai pH dan Oksigen Terlarut (DO).

## ENVIRONMENT

### Emission Of Pollutants To The Atmosphere

*Air pollutants consists of :*

#### **Carbon Monoxide (CO)**

*CO is a colourless and odourless, non-irritating but very poisonous gas.*

#### **Nitrogen Dioxide (NO<sub>2</sub>)**

*NO<sub>2</sub> is a reddish brown toxic gas and has a sharp and pungent odour.*

#### **Sulphur Dioxide (SO<sub>2</sub>)**

*SO<sub>2</sub> is a colourless, pungent, irritating and water-soluble reactive gas.*

#### **Particulate Matter (PM)**

*PM is the term used to describe respirable particles.*

## Scheduled Waste

*Scheduled waste refers to the waste category listed in the First Schedule Environmental Quality Regulation (Scheduled Waste) 2005. It is also defined as toxic and hazardous wastes generated by industries, agriculture, workshop, scheduled waste contractors, domestic activities and clinical wastes from hospitals.*

## Quality of River Water

*Water Quality Index (WQI) is used to evaluate the status of the river water quality. WQI classifies river water quality into three categories that is Clean (C), Slightly Polluted (SP) and Polluted (P).*

*The six main parameters used for deriving the WQI are Biochemical Oxygen Demand (BOD<sub>5</sub>), Ammoniacal Nitrogen (NH<sub>3</sub>-N), Suspended Solids (SS), Chemical Oxygen Demand (COD), pH Value and Dissolved Oxygen (DO).*